

PEMIMPIN PELAJAR TERHARU DENGAN KEHADIRAN MENTERI

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 27 September 2010 18:36

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

26 SEPTEMBER 2010 / 17 SYAWAL 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

PEMIMPIN PELAJAR TERHARU DENGAN KEHADIRAN MENTERI

Oleh: Syairah Sa'adun dan Nor Azizah Din
Gambar: Shamsaimi Ezil



UUM ONLINE: Barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pemimpin Dewan Penginapan Pelajar (DPP), Universiti Utara Malaysia (UUM) terharu dengan kehadiran Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin ke kampus ini, baru-baru ini.

Kesudian beliau menghadiri majlis malam bersama mereka sempena lawatan Ziarah Kerja dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat UUM pada 22 dan 23 September lalu menunjukkan keprihatinan dan keinginan beliau bersama pelajar universiti walaupun dalam kesibukan sambutan Syawal.

Kehadiran beliau bersama delegasi Kementerian Pengajian Tinggi disambut oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Naib Canselor Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak, pegawai kanan universiti, tenaga akademik, MPP dan pemimpin badan pelajar di sini.

Muhamad Faisal Ismail wakil Majlis Perwakilan Pelajar Bahagian Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah, berkata kehadiran menteri untuk bersama-sama meraikan Syawal pada tahun ini amat bermakna kerana kebiasaannya sebagai orang nombor satu dalam Kementerian Pengajian Tinggi sudah tentu menerima banyak jemputan dan kehadiran beliau untuk bersama pelajar di kampus ini sebagai hadiah bagi mereka.

"Saya dan rakan-rakan yang hadir pada malam ini amat terharu dan gembira kerana dapat berjumpa dengan menteri dan beramah mesra dengan beliau," katanya.

Dalam pada itu, Mustafa ketika berucap di majlis itu menjelaskan kehadiran menteri ke UUM ini menunjukkan keprihatinan beliau secara khusus dalam perkembangan kemajuan universiti terutama universiti ini.

Beliau berharap kedatangan Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin akan memberi ruang kepada warga UUM untuk memaklumkan perkembangan semasa dan menerima teguran atau nasihat serta pandangan terhadap kerja, masyarakat dan bangsa dalam membangunkan negara ini.